

NO. SOALAN : 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN :

**YB. Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- a) bilangan terkini pelancong yang datang ke negara ini mengikut negara dan;
- b) bilakah pembangunan Lembah Lenggong hendak dimulakan.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, Malaysia telah menerima seramai **25.7 juta** pelancong asing dengan peningkatan sebanyak **2.7 peratus** berbanding dengan **25 juta** pada tahun 2012. Manakala, pada suku pertama tahun 2014, Malaysia telah menerima seramai **7.1 juta** orang pelancong asing, peningkatan sebanyak **10 peratus** jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada suku pertama tahun 2013.

Statistik kemasukan pelancong asing ke Malaysia boleh di dapati di laman sesawang **www.tourismmalaysia.gov.my**.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah menyediakan *Conservation Management Plan (CMP)* untuk membantu pihak-pihak yang terlibat dalam pembangunan di Lembah Lenggong.

Sebarang pembangunan di Lembah Lenggong mestilah berpandukan kepada peraturan yang terkandung di dalam *Conservation Management Plan (CMP)*. Dokumen ini telah pun dibentangkan kepada Kerajaan Negeri Perak pada 5 Mei 2014 serta perlu melalui beberapa proses dan prosidur di peringkat Kerajaan Negeri sebelum ianya diwartakan.

Selain itu, Jabatan ini juga sedang menaik taraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong untuk dijadikan sebagai Pusat Pelawat (*Visitor Centre*). Projek ini dijangka akan bermula pada bulan November 2014.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

RUJUKAN : 6932

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes jenayah mengikut kategori yang dilaporkan serta berapakah bilangan kes berjaya diselesaikan. Apakah isu atau masalah yang menyebabkan kes-kes tertentu tidak berjaya diselesaikan sehingga kini.

JAWAPAN:

Pihak Polis sentiasa menjalankan siasatan secara telus dan saksama tanpa mengira ideologi politik seseorang atau kedudukan status individu berkenaan. Siasatan akan dijalankan sekiranya terdapat laporan dibuat berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun keputusan untuk mendakwa seseorang itu atau sebaliknya adalah budicara Jabatan Peguam Negara.

Statistik jenayah indeks yang dilaporkan dan penyelesaian kes bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 (sehingga April) seperti berikut:-

KESALAHAN	TAHUN 2012	TAHUN 2013	NAIK/ TURUN	PERATUS	TAHUN 2012 (SELESAI)	PERATUS	TAHUN 2013 (SELESAI)	PERATUS
JENAYAH KEKERASAN :								
BUNUH	602	627	25	4.2	385	64.0	367	58.5
ROGOL	2,964	2,718	-246	-8.3	2,751	92.8	2,540	93.5
SAMUN BERKAWAN BERS/API	110	98	-12	-10.9	57	51.8	54	55.1
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	16,738	16,647	-91	-0.5	8,321	49.7	8,737	52.5
SAMUN BERSENJATAPI	17	21	4	23.5	10	58.8	13	61.9
SAMUN TANPA S/API	3,275	3,565	290	8.9	1,903	58.1	2,040	57.2
MENCEDERAKAN	6,244	5,699	-545	-8.7	5,445	87.2	4,820	84.6
JUMLAH	29,950	29,375	-575	-1.9	18,872	63.0	18,571	63.2
JENAYAH HARTABENDA :								
CURI	24,299	21,405	-2894	-11.9	14,919	61.4	13,809	64.5
CURI MOTOKAR	16,196	16,733	537	3.3	5,842	36.1	7,055	42.2
CURI MOTOSIKAL	51,259	49,133	-2126	-4.1	16,395	32.0	19,462	39.6
CURI VAN/LORI/J'BERAT	4,526	4,981	455	10.1	1,390	30.7	1,715	34.4
CURI RAGUT	2,500	2,118	-382	-15.3	1,218	48.7	989	46.7
PECAH RUMAH DAN CURI	24,939	23,317	-1622	-6.5	10,872	43.6	11,106	47.6
JUMLAH	123,719	117,687	-6032	-4.9	50,636	40.9	54,136	46.0
JUMLAH JENAYAH INDEKS	153,669	147,062	-6607	-4.3	69,508	45.2	72,707	49.4

KESALAHAN	JAN- APR 2013	JAN- APR 2014	NAIK/ TURUN	PERATUS	JAN-APR 2013 (SELESAI)	PERATUS	JAN-APR 2014 (SELESAI)	PERATUS
JENAYAH KEKERASAN :								
BUNUH	199	170	-29	-14.6	114	57.3	110	64.7
ROGOL SAMUN BERKAWAN BERS/API	37	25	-12	-32.4	14	37.8	10	40.0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	5,290	5,088	-202	-3.8	2,600	49.1	2,504	49.2
SAMUN BERSENJATAPI SAMUN TANPA S/API	9	7	-2	-22.2	6	66.7	2	28.6
	1,123	1,153	30	2.7	617	54.9	587	50.9
MENCEDERAKAN	2,029	1,858	-171	-8.4	1,706	84.1	1,498	80.6
JUMLAH JENAYAH HARTABENDA :	9,612	9,061	-551	-5.7	5,925	61.6	5,390	59.5
CURI	7,455	6,940	-515	-6.9	4,589	61.6	4,162	60.0
CURI MOTOKAR	5,234	4,361	-873	-16.7	1,865	35.6	1,698	38.9
CURI MOTOSIKAL CURI VAN/LORI/J'BERAT	16,011	14,583	-1428	-8.9	5,372	33.6	5,223	35.8
	1,600	1,291	-309	-19.3	454	28.4	360	27.9
CURI RAGUT PECAH RUMAH DAN CURI	759	972	213	28.1	241	31.8	484	49.8
	7,659	6,885	-774	-10.1	3,235	42.2	2,994	43.5
JUMLAH JUMLAH JENAYAH INDEKS	38,718	35,032	-3686	-9.5	15,756	40.7	14,921	42.6
	48,330	44,093	-4237	-8.8	21,681	44.9	20,311	46.1

Antara faktor-faktor yang boleh menyebabkan sesuatu kes itu tertanggung atau tidak dapat diselesaikan sehingga ke peringkat pendakwaan adalah disebabkan oleh faktor berikut:-

- i) Ketiadaan bukti yang boleh membantu siasatan sesuatu kes.**
- ii) Mangsa tidak dapat mengecam suspek.**

- iii) Kurang kerjasama daripada mangsa untuk membantu siasatan.**
- iv) Berlaku pencemaran bahan bukti di tempat kejadian, contohnya seperti gangguan kesan cap jari dalam kes pecah rumah.**
- v) Berlaku pemusnahan bahan bukti, contohnya seperti dalam kes bunuh dan bakar.**
- vi) Saksi-saksi yang enggan bekerjasama apabila dikehendaki memberi keterangan.**
- vii) Laporan kimia dan patologi mengesahkan spesimen ataupun sampel berkeputusan negatif.**
- viii) Keterangan yang tidak mencukupi bagi mendakwa seseorang.**
- ix) Terdapat laporan polis yang telah dibuat telah ditarik balik oleh pengadu. Terutamanya kes-kes yang melibatkan rumahtangga dan pergaduhan kecil.**
- x) Kesalahan jenayah berkaitan melibatkan penglibatan kumpulan bersindiket dalam dan luar negara.**